

23/12/1997

Sistem audio berkomputer jadi tarikan

BERMINAT ... Yang Dipertua Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Datuk Mohd Nor Bador (tengah) mendengar taklimat mengenai penggunaan sistem audio berkomputer di ekspo dan pameran IT sambil diperhatikan ahli majlis Khoo Ooi Seng (kiri) ketika melancarkan kempen kesedaran IT, di Dewan Sivik, Petaling Jaya, di sini, semalam.

Kempen peringkat organisasi itu adalah kesinambungan daripada kempen IT peringkat negeri dan kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober lalu.

Pada majlis itu, Yang Dipertua MPPJ turut menyampaikan replika cek kepada lima orang penerima pinjaman komputer.

Antara aktiviti yang diadakan sempena kempen itu adalah ekspo serta pameran, dan ceramah yang berlangsung selama dua hari.

(END)